



SIARAN AKHBAR

AMARAN MENGENAI ENTITI YANG TIDAK BERLESEN

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mendapati bahawa syarikat United Formula Company (UFC) disyaki telah menyebarkan maklumat palsu kepada orang ramai bahawa aktiviti perniagaan syarikat tersebut telah diiktiraf oleh pihak AMBD. Untuk makluman orang ramai, UFC telah disenaraikan dalam *Alert List* AMBD sejak 10 Januari 2018.
2. AMBD juga telah menerima beberapa aduan dari orang ramai yang telah menghadapi kerugian daripada menyertai skim-skim pelaburan yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan oleh pihak AMBD. AMBD, sekali lagi, mengingatkan orang ramai untuk berwaspada apabila ditawarkan untuk menyertai mana-mana skim pelaburan yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang kawalan AMBD, ataupun syarikat yang disenaraikan ke dalam *Alert List* AMBD.
3. Orang ramai perlu berhati-hati sebelum membuat pelaburan kewangan terutamanya jika ia menjanjikan pulangan yang tinggi dengan risiko yang rendah ataupun bebas dari risiko; dan berwaspada dengan skim-skim yang besar kemungkinan adalah skim penipuan atau Ponzi (yang memerlukan penarikan pelanggan baru untuk membuat pelaburan) yang di luar pengawalseliaan AMBD.
4. AMBD ingin menasihatkan orang ramai untuk hanya berurusan dengan entiti-entiti yang di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD. Rangkakerja penyeliaan AMBD bertujuan untuk memastikan hanya individu atau syarikat-syarikat yang tertentu sahaja berkelayakan untuk menawarkan perkhidmatan kewangan.
5. Orang ramai boleh mendapatkan senarai nama individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan menyalahi undang-undang di *Alert List* AMBD, yang boleh didapati dari laman sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.
6. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati melalui laman sesawang AMBD dan AMBD App, yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 12 Zulhijjah 1439 / 24 August 2018

Rujukan: AMBD/COMMS/3